



# COVID 19

NUKILAN & REFLEKSI

Penyunting  
**AMAAL FADHLINI MOHAMED**  
**FAIRUZ A'DILAH RUSDI**  
**SITI BAHIRAH SAIDI**

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Cataloguing-in-Publication Data

Perpustakaan Negara Malaysia

A catalogue record for this book is available  
from the National Library of Malaysia

e ISBN

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah,  
Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatimah Pahazri  
Konsep dan Susun Atur Huruf: Fatinah Ilias. Pembaca Prof: Zaliha Noor  
Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:

Penerbit UMK

Universiti Malaysia Kelantan

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,

16100 Kota Bharu,

Kelantan

(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))

(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

## CONTENT

### SENARAI PENYUMBANG BAB PRAKATA

#### BAB 1 : PENGENALAN

*Amaal Fadhlina Mohamed, Fairuz A'dilah Rusdi dan Siti Bahirah Saidi*

#### BAB 2 : REFLEKSI DARI KACA MATA ILMUAN

Kelaziman Baharu dan Nilai Baharu  
*Mohd Zain Mubarak*

Covid-19: Rahmat atau Malapetaka? Anjakan Kepenggunaan di Malaysia  
*Ariezal Afzan Hassan*

Musibah Corona, Momentum Ramadan dan Konsistensi Rabbaniyyin  
*Asma Lailee Mohd Noor*

Musibah Covid-19 dan Pendidikan Keluarga  
*Noor Hisham Md Naw*

Kekal Sihat Kekal di Rumah  
*Aveleena Afzan Hassan*

#### BAB 3 : REFLEKSI DARI KACA MATA AHLI AKADEMIK

Cabaran Norma Baharu Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran Ekoran  
Pandemik Covid-19 dalam Kursus Bahasa Inggeris di Universiti Malaysia  
Kelantan.  
*Syakirah Shafien, Lena Ramamurthy dan Noor Syamimie Mohd Naw*

Hikmah di Sebalik Cabaran  
*Norshazrina Sabri*

Pengurusan Risiko dalam PDP  
*Lena Ramamurthy, Syakirah Shafien dan Noor Syamimie Mohd Naw*

Cabaran Pengajian Jarak Jauh Tatkala PKP  
*Nurul Iman Ahmad Bukhari*

Aku, Pelajar dan ECOMM  
*Siti Bahirah Saidi*

Kelas Bahasa Melayu di Rumah  
*Khuzaiton Zakaria*

Adakah Kita Sudah Bersedia?  
*Liyana Ahmad Afip*

#### **BAB 4 : REFLEKSI DARI KACA MATA PEMIKIR**

Memoir COVID-19  
*Ahmed Thalal Bin Hassan*

Suatu Hari di Musim PKP Pandemik COVID-19: Kisah Jatuh Motor  
*Marwan Ismail*

Pengalaman Bersalin dalam Tempoh PKP  
*Nurul Iman Mohd Zain*

Sebalik PKP ada Baiknya  
*Ali Salman*

Ketika Pejabat Bertukar Menjadi “Tempat Parti Penguasa Ghaib”  
*Yohan Kurniawan*

Norma Baharu Sebuah Kehidupan  
*Nurul Fatimah Hanapi*

Catatan Pengalaman Semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1  
(18 Mac 2020 hingga 24 April 2020)  
*Khuzaiton Zakaria*

Kisah #Dudukrumah Sepanjang PKP 2020  
*Azman Bidin*

Coretan Tinta Pelangi COVID-19 Aku  
*Wan Suzanna Aafanii Adeeba Wan Ibrahim*

COVID-19: Hikmah yang Tersembunyi  
*Nur Syamimi Alwani Yushalani*

Diari Ungu dan Diari Biru  
*Amaal Fadhlini Mohamed dan Ahmad Hurairah Mohd Noor*

#### **BAB 5: NUKILAN DIARI PUITIS**

Semangat Seorang Pejuang  
*Muhammad Taufiq Ismail dan Amaal Fadhlini Mohamed*

COVID-19: Cinta Maha Pencipta  
*Siti Nur (Siti Nurzahira Che Tahrim)*

Pada-Mu Hamba Bersujud  
*Khuzaiton Zakaria*

## **BAB 6 : NUKILAN PENA PUITIS**

Apa Anda Sudah Buat?  
*Chua Hui Wen*

Nikmat yang Kau Dustakan  
*Liyana Ahmad Afip*

Amanah yang Terpikul  
*Norshazrina Sabri*

Kalau Kau Rasa Bosan kerana Lockdown  
*Ali Salman*

Petanda dari Langit  
*Lena Ramamurthy, Syakirah Shafien dan Noor Syamimie Mohd Naw*

Guru Pandemik  
*Noor Syamimie Mohd Naw, Syakirah Shafien, Lena Ramamurthy*

COVID-19  
*Khuzaiton Zakaria*

Gurindam COVID-19  
*Khuzaiton Zakaria*

Wabak COVID-19  
*Khuzaiton Zakaria*

Malaysia dan COVID-19  
*Wan Suzanna Aafanii Adeeba Wan Ibrahim*

COVID-19  
*Nur Syahirah Mohd Naw*

Selamat, Kamu Terperangkap!  
*Nur Hafezah Hussein*

Baru Semalam Aku Saksikan  
*Paan (Nik Ahmad Farhan Bin Azim @ Nik Azim)*

Gimik Pandemik  
*Sarah Nadia Ahmad*

Kesana.... Kesini.... COVID 19  
*Linira Ghazali*

Kerinduan Perbatasan COVID-19  
*Ariezal Afzan Hassan*

Mahkota  
*Mohd Asyraf Zukffli*

Diam  
*Nurul Aadilah Salleh*

Telefon Berbunyi  
*Siti Amirah Ahmad Tarmizi dan Najihah Mahmud*

Tentang Aku  
*Alya Batrisyia Suhaidin*

Permintaan  
*Alya Batrisyia Suhaidin*

Sepasang Kita  
*Alya Batrisyia Suhaidin*

Belajar Ketika Pandemi  
*Siti Zubeida Boudjit Hicham Boudjit*

## **KESIMPULAN**

*Amaal Fadhlini Mohamed, Fairuz A'dilah Rusdi dan Siti Bahirah Saidi*

## **BIODATA PENYUNTING**

## SENARAI PENYUMBANG BAB

**Mohd Zain Mubarak**

Profesor Madya  
Universiti Malaysia Kelantan

**Amaal Fadhlini Mohamed**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Azman Bidin**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Aveleena Afzan Hassan**

Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Ariezal Afzan Hassan**

Pensyarah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Ahmad Hurairah Mohd Noor**

Pelajar Alumni  
Universiti Malaysia Kelantan

**Wan Suzanna Aafanii Adeeba**

**Wan Ibrahim**  
Pensyarah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Syakirah Shafien**

Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Asma Lailee Mohd Noor**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Muhammad Taufiq Ismail**

Pelajar Alumni  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nur Syamimi Alwani Yushalani**

Guru Bahasa  
Universiti Teknologi Malaysia

**Lena Ramamurthy**

Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Noor Hisham Md Nawi**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Siti Nurzahira Che Tahrin**

Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Noor Syamimie Mohd Nawi**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Liyana Ahmad Afip**  
Pensyarah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Chua Hui Wen**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Sarah Nadia Ahmad**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nurul Iman Ahmad Bukhari**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Ahmed Thalal Hassan**  
Profesor Madya  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nur Syahirah Mohd Nawi**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Linira Ghazali**  
Pensyarah  
Universiti Malaysia Kelantan

**Siti Bahirah Saidi**  
Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Marwan Ismail**  
Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nur Hafezah Hussein**  
Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Mohd Asyraf Zukffli**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Khuzaiton Zakaria**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nurul Iman Mohd Zain**  
Pensyarah Kanan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nik Ahmad Farhan Bin Azim @  
Nik Azim**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan

**Nurul Aadilah Salleh**  
Guru Bahasa  
Universiti Malaysia Kelantan



**Ali Salman**

Profesor Madya

Universiti Malaysia Kelantan

**Siti Amirah Ahmad Tarmizi**

Pensyarah Kanan

Universiti Malaysia Kelantan

**Yohan Kurniawan**

Profesor Madya

Universiti Malaysia Kelantan

**Najihah Mahmud**

Pensyarah Kanan

Universiti Malaysia Kelantan

**Nurul Fatimah Hanapi**

Pensyarah Kanan

Universiti Malaysia Kelantan

**Norshazrina Sabri**

Guru Bahasa

Universiti Malaysia Kelantan

**Alya Batrisyia Suhaidin**

Pelajar

Universiti Malaysia Kelantan

**Siti Zubeida Boudjit Hicham**

**Boudjit**

Pelajar

Universiti Malaysia Kelantan

## PRAKATA

Pandemik COVID-19 yang melanda negara Malaysia pada awal tahun 2020 sememangnya memberi impak yang besar kepada setiap lapisan masyarakat. Apabila kerajaan Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mei 2020, majoriti rakyat di Malaysia dihadkan pergerakan di luar rumah dan hanya dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Memandangkan situasi ini adalah pengalaman pertama kepada semua, pelbagai reaksi positif dan negatif dapat dilihat dalam kalangan penduduk di Malaysia termasuklah tenaga pengajar dan pelajar di sebuah institusi pengajian awam, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya, hikmah di sebalik PKP semasa pandemik ini maka para pemikir dapat meluangkan masa untuk berkarya sebagai wadah untuk meluahkan rasa dan pendapat sepanjang waktu getir ini. Inisiatif daripada sidang editor untuk mengumpulkan kesemua karya ini dilakukan awal tempoh PKP dilaksanakan dan diterbitkan sebagai sebuah buku yang berjudul *COVID-19: Nukilan & Refleksi*.

Penghargaan terbesar dititipkan buat Prof. Madya Dr. Yohan Kurniawan atas inisiatif dan idea bernas untuk menghasilkan buku kompilasi penulisan kreatif supaya pengalaman dan aktiviti sepanjang PKP dapat dibukukan buat tatapan generasi akan datang. Terima kasih juga kepada Dr. Najihah Mahmud yang telah membantu sepanjang proses pengumpulan hasil nukilan daripada para penyumbang karya. Tidak lupa juga sekalung tahniah kepada semua penulis yang telah menyumbangkan pelbagai karya yang indah untuk dibukukan. Tanpa sumbangan kalian, naskah buku ini akan tinggal senaskah helaian kertas kosong sahaja.

Penghargaan tulus dari hati diberi kepada Saudari Wafi Ahda Binti Rustan (graduan daripada Kolej Universiti Poly-Tech MARA)

yang telah banyak membantu sepanjang proses pembinaan buku ini dari awal hingga akhir. Terima kasih juga dimajukan kepada Alya Batrisyia Binti Suhaidin dan Saudari Siti Zubeida Boudjit Binti Hicham Boudjit (pelajar Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan) yang turut membantu dalam persiapan terakhir buku ini. Sekalung penghargaan juga harus diberikan kepada Cik Syakirah Binti Shafien dan Puan Lena A/P Ramamurthy yang memberikan cadangan membina sekaligus menamakan tajuk buku yang indah ini. Maka, selesai sudah pengumpulan koleksi nukilan dan refleksi daripada para pemikir sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Akhir kata, penerbitan buku ini diharapkan dapat membantu dalam pengembangan serta penerokaan berkaitan aktiviti sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19. Sesungguhnya, pemikir dan cendekiawan memainkan peranan yang pivotal dalam memberi makna kepada situasi pandemik yang belum pernah kebanyakan daripada kita lalui. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada para cendekiawan yang telah menyumbangkan buah fikiran mereka dalam makalah ini. Sesungguhnya, masyarakat yang dahagakan makna dan kekuatan dalam menghadapi pandemik ini akan mendapat manfaat daripada coretan yang diterbitkan.

**Amaal Fadhlini Mohamed**

**Fairuz A'dilah Rusdi**

**Siti Bahirah Saidi**

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

*Amaal Fadhlini Mohamed, Fairuz A'dilah Rusdi dan Siti Bahirah Saidi*

COVID-19 merupakan virus yang berasal dari Wuhan, China menjelang tahun 2019 dan mula merebak secara pantas ke negara-negara lain termasuklah Malaysia. Kes pertama yang dikesan di Malaysia adalah membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020. Kemudiannya, pertambahan kes dari hari ke hari membabitkan warga tempatan telah mencetuskan panik dan kebimbangan terhadap semua rakyat Malaysia. Pada 16 Mac 2020, 10 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberikan ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Perintah Kawalan Pergerakan pertama yang dikenali sebagai PKP 1.0 telah bermula pada 18 Mac 2020 di Malaysia. PKP yang melarang secara menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Rakyat Malaysia diwajibkan untuk berada di rumah dan ketua keluarga sahaja yang dibenarkan untuk keluar membeli barang keperluan. PKP 1.0 yang sepatutnya berjalan selama 14 hari telah disambung ke fasa seterusnya kerana pertambahan kes yang sangat membimbangkan. Pelajar-pelajar yang terkandas di tempat pengajian mula berasa kluatir kerana tinggal berjauhan dengan keluarga di saat darurat seperti ini. Oleh itu, pihak universiti telah mengambil inisiatif untuk menghantar pelajar-pelajar pulang ke kampung halaman secara berperingkat mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan.